

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN REVIEWS BENCANA WANITA HIJUNG MINGGU BH KAPSUL COVID-19 VAKSIN

OLIMPIK 2020

PASARAN KORPORAT AUTO HARTAHAK TEKNOLOGI USAHAWAN LAIN-LAIN (BISNES)

Transformasi digital lonjak ekonomi negara

Oleh [Alzahrin Alias](#) - Oktober 21, 2021 @ 12:13pm
zahrin@bh.com.my



Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa.

KUALA LUMPUR: Malaysia perlu melaksanakan transformasi digital secara inklusif bagi membolehkan negara melonjakkan ekonomi dengan lebih pantas.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa, berkata justeru itu kerajaan melaksanakan pelbagai agenda dan inisiatif termasuklah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan MyDIGITAL.

Beliau berkata, langkah itu juga akan diperkasakan bersama dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) sekaligus berupaya mengintegrasikan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi memastikan tiada siapa yang akan ketinggalan.

"Pembangunan dan jalinan digital harus menjadi keutamaan. Trend ekonomi dan tingkah laku yang dibawa oleh COVID-19 telah memberi cabaran kepada sektor awam dan swasta.

"Semua pihak perlu melaksanakan langkah memikirkan semula dan utamakan digital pada masa akan datang dengan mengambil kira keperluan dalam menangani ancaman siber.

"Kerajaan dan industri perlu mempercepatkan tindakan bagi merapatkan jurang. Hanya dengan kerjasama dan perkongsian yang kuat saja, ia adakan dapat menutup jurang digital yang ada ketika ini.

"Kerajaan teruja untuk melihat masa depan ekonomi digital negara lebih baik daripada sebelumnya. Ia akan berupaya mengubah krisis menjadi peluang baru serta memberikan masa depan yang inklusif, berdaya tahan, dan lestari untuk Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucaptama Forum Ekonomi Digital Malaysia Ke-12 bertajuk 'Mencipta Ekonomi Digital, Kunci Kejayaan Pasca Krisis' secara maya hari ini.

Annuar berkata, ekonomi digital adalah sangat penting bagi Malaysia untuk mengembalikan semula daya saingnya.

Beliau berkata, sumbangan ekonomi digital kepada ekonomi negara terus berkembang 6.9 peratus kepada RM267.7 bilion pada 2018, manakala pada 2017 pula, perkhidmatan ICT mencatatkan nilai output kasar sebanyak RM144.8

billion dengan nilai kadar pertumbuhan tahunan 7.8 peratus.

Katanya, sejajar dengan pertumbuhan output kasar itu, nilai input perantaraan juga meningkat sebanyak RM8.4 bilion sehingga menghasilkan nilai tambah sebanyak RM74.3 bilion.

Kadar pertumbuhan tahunan tertinggi output kasar katanya dicatatkan sebanyak 9.9 peratus untuk Perkhidmatan Telekomunikasi.

"Pendapatan melalui urus niaga e-dagang bernilai RM447.8 bilion pada 2017 berbanding RM398.2 bilion pada 2015 dengan kadar pertumbuhan tahunan 6.0 peratus.

"Angka ini dijangka meningkat dengan hebat berikutan sekatan pergerakan yang dilaksanakan kerajaan serta normal baru yang menjadikan urus niasa e-dagang sebagai satu kebiasaan," katanya.

Mengulas lanjut, Annuar berkata, walaubagaimanapun dalam peralihan ke arah pendigitalan, beberapa isu ancaman utama yang timbul harus ditangani dengan baik seperti keselamatan siber.

Beliau berkata, ancaman siber adalah aspek penting untuk dilihat dan ditangani dengan segera kerana berdasarkan laporan keselamatan siber Malaysia, pusat bantuan Cyber999 merekodkan 8,226 kes keselamatan siber sehingga 30 September lalu.

Katanya, daripada jumlah itu, lima kes utama berkaitan keselamatan siber adalah membabitkan penipuan, pencerobohan, 'malicious code', gangguan siber dan cubaan pencerobohan.

Penipuan katanya menjadi kes tertinggi dan paling kerap dilaporkan di Malaysia.

"Lantaran itu untuk meningkatkan ekosistem keselamatan siber negara, tiga aspek penting perlu dipertimbangkan iaitu faktor manusia, jalinan proses dan teknologi.

"Kerajaan dan industri juga perlu perlu mengambil pendekatan holistik, adaptif, dan komprehensif dengan pertahanan mendalam merangkumi tiga aspek itu bagi menghadapi ancaman siber semasa dan pada masa akan datang.

"Dengan munculnya teknologi digital, dan betapa bermanfaatnya, kita tidak boleh melupakan pentingnya keselamatan siber bagi memastikan keselamatan pengguna. Ancaman itu nyata dan banyak yang menjadi mangsa," katanya.